

BAB KEDUA

BAB KEDUA

LATAR BELAKANG DAERAH YAN, KEDAH.

Pendahuluan

Dalam bab kedua ini, penulis akan membentangkan latar belakang tempat kajian iaitu Daerah Yan secara umum. Pembentangan akan menyentuh kepada beberapa aspek utama iaitu dari segi keluasan kawasan, penduduk, penempatan, kegiatan ekonomi penduduk dan pembangunan dan kemajuan yang dikecapi oleh penduduknya.

Keluasan kawasan

Daerah Yan mempunyai keluasan 24,040.4 hektar atau 152.2 km persegi. Keluasan ini dibahagikan pula kepada kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mana jumlahnya sebanyak 18,549.1 hektar yang bersamaan dengan 77.2% dan kawasan luar MADA seluas 5,491.1 hektar atau 22.8% daripada jumlah keseluruhan¹. Seluruh daerah ini adalah merupakan kawasan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Daerah Yan (MDY) mengikut akta Kerajaan Tempatan 1976 (akta 171). Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (akta 172) pula, MDY adalah Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) bagi kawasan yang sama sekalipun seluruh daerah telah diisytiharkan sebagai kawasan MDY².

¹ *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Daerah Yan 1995-2020*, Majlis Daerah Yan Kedah Darul Aman, h 1-1.

² *Ibid.*

Daerah Yan adalah terdiri daripada lima buah mukim iaitu Mukim Dulang, Sala Besar, Singkir, Sungai Daun dan Yan dan sebelas buah petempatan serta 138 buah kampung. Daerah Yan disempadani oleh Daerah Kota Setar di bahagian Utara, Pendang di Timur dan Daerah Kuala Muda di Selatan³.

Penduduk

Daerah Yan mempunyai jumlah penduduk seramai 59,030 pada tahun 1980. Jumlah ini bersamaan dengan 5.5% daripada jumlah penduduk negeri Kedah. Pada tahun 1991, jumlah penduduknya telah bertambah kepada 60,823 orang. Tetapi peratusnya menurun kepada 4.7% daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Kedah. Hal ini berlaku kerana rendahnya kadar pertumbuhan penduduk iaitu 0.3% berbanding dengan 1.75% bagi kadar pertumbuhan penduduk negeri Kedah. Selain itu, penghijrahan keluar penduduk dari Daerah Yan untuk bekerja di daerah-daerah lain yang melibatkan 8,273 orang turut memberi kesan kepada kemerosotan pertumbuhan penduduk⁴.

Jadual 1: Penduduk Daerah Yan berbanding dengan daerah lain.

Daerah	1980	Peratus	1991	Peratus
Langkawi	28,340	2.6	42,755	3.3
Baling	104,858	9.7	114,489	8.8
Kubang Pasu	129,808	12.0	158,189	12.1
Padang Terap	40,428	3.8	50,734	3.9

³ Ibid, h 2-1.

⁴ Ibid, h 2-4.

Kota Setar	279,567	25.9	323,580	24.8
Sik	43,366	4.0	54,653	4.2
Yan	59,030	5.5	60,823	4.7
Kuala Muda	192,308	17.8	255,091	19.5
Kulim	92,525	8.6	128,394	9.8
Bandar Baru	31,724	2.9	32,957	2.5
Pendang	75,861	7.0	83,135	6.4
Negeri Kedah	1,077,815	100	1,304,800	100

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1980 dan 1991.

Bagi tempoh 1991-1995, kadar pertumbuhan penduduk di daerah Yan dianggarkan akan meningkat kepada 3.16% setahun. Dengan ini jumlah penduduk kawasan kajian pada tahun 1995 adalah berjumlah 68,495 orang. Di peringkat Mukim, Mukim Sala Besar, Singkir dan Sungai Daun menunjukkan kadar pertumbuhan yang paling tinggi iaitu 3.16% setahun. Keadaan ini amat berbeza bagi tempoh 1980-1991 di mana Mukim Singkir dan Sungai Daun mengalami pertumbuhan yang negatif iaitu masing-masing mencatatkan pertumbuhan -0.02% dan -0.04% ⁵.

Jadual 2: Pertumbuhan Penduduk mengikut Mukim 1980-1995

Mukim	Bilangan			Kadar Pertumbuhan (%)	
	1980	1991	1995	1980-1991	1991-1995
Dulang	4,471	4,396	4,971	-0.17	3.14
Sala Besar	23,562	2,566	28,916	0.73	3.16
Singkir	2,988	2,990	3,375	-0.02	3.16

⁵ Ibid 4-1

Sungai Daun	11,541	11,666	13,018	-0.04	3.16
Yan	16,449	16,105	18,215	-0.20	3.15
Jumlah	59,011	37,723	68,495		

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1980-1991.

Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk di Daerah Yan adalah rendah jika dibandingkan dengan keluasan yang berjumlah 237.3 km persegi. Mukim Sala Besar adalah merupakan mukim yang mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan purata 1447 orang bagi setiap km persegi. Kemudian diikuti oleh mukim Yan dengan jumlah 801 orang, Sungai Daun 173 orang, Dulang 68 dan Singkir 62 orang bagi setiap km persegi⁶.

Jadual 3: Kepadatan penduduk mengikut mukim

Mukim	Keluasan	Kepadatan
Sala Besar	19.26	1,447
Yan	21.92	801
Sungai Daun	72.73	173
Dulang	70.63	68
Singkir	52.79	62

Sumber : Kajian Rancangan Struktur MDY, 1995.

⁶ Ibid, h 4-4.

Unjuran Penduduk 2000-2020

Berdasarkan unjuran, penduduk daerah Yan diramalkan mengalami purata pertumbuhan penduduk sebanyak 1.85% setahun. Bagaimanapun kadar pertumbuhan penduduk mengikut mukim rendah sedikit jika dibandingkan dengan purata pada peringkat daerah. Hanya mukim Sala Besar sahaja dijangkakan mengalami pertambahan penduduk sebanyak 2.11% setahun iaitu lebih 0.26% daripada peringkat daerah⁷.

Jadual 4: Kadar pertumbuhan penduduk Mukim (2000-2020)

Mukim	2000-2005	2005-2010	2010-2015	2015-2020	Purata
Dulang	1.53%	1.70%	1.67%	1.61%	1.63%
Sala Besar	2.16%	2.32%	2.12%	1.84%	2.11%
Singkir	1.51%	1.76%	1.73%	1.66%	1.67%
Sungai Daun	1.54%	1.72%	1.69%	1.66%	1.65%
Yan	1.47%	1.70%	1.74%	1.72%	1.66%

Sumber : Rancangan Struktur MDY 1995.

⁷ Ibid h 4-7.

Jadual 5: Unjuran penduduk mengikut Mukim sehingga 2020.

Mukim	2000	2005	2010	2015	2020
Dulang	5,273	5,690	6,189	6,723	7,283
Sala Besar	31,348	34,884	39,122	43,450	47,586
Singkir	3,570	3,847	4,198	4,575	4,968
Sungai Daun	13,903	15,010	16,349	17,777	19,302
Yan	19,272	20,731	22,550	24,582	26,774

Sumber : Kajian Rancangan Struktur MDY 1995.

Potensi Pembangunan Daerah Yan.

Pembangunan DY bergantung dan dipengaruhi oleh kawasan persekitarannya, sumber semulajadi, kemasukan projek-projek utama khususnya perindustrian, perkhidmatan sosial dan kemudahan pengangkutan, perhubungan dan infrastruktur serta alam semulajadi yang menarik. Faktor-faktor ini akan mempengaruhi kemasukkan pelaburan asing dan menjadikan daerah Yan sebagai satu daerah yang maju di masa akan datang dan dijangkakan akan terkeluar daripada lingkaran kemiskinan wilayah Utara⁸.

⁸ Ibid, h 2-1.

Lokasi dan sistem perhubungan.

Kedudukan daerah Yan adalah strategik kerana perletakkannya yang bersempadan dengan daerah-daerah yang lebih maju seperti daerah Kuala Muda dan Kota Setar. Selain itu, kedudukannya adalah berhampiran dengan pusat-pusat perindustrian dan pembuatan seperti Gurun, Sungai Petani dan Kulim. Kedudukan yang strategik ini telah memberikan faedah yang besar kepada kawasan kajian khususnya dalam perkembangan ekonomi. Selain itu, pembangunan yang pesat di kawasan sekitar daerah Yan terutamanya di daerah Kuala Muda dan Kulim telah meberikan persaingan yang rancak kepada pembangunan ke atas kawasan di daerah Yan yang berhampiran. Bahkan , ianya ketika ini telah menyebabkan kepada pertalian sosio ekonomi yang melibatkan tenaga kerja, penghijrahan dan perniagaan membeli belah di kawasan Yan⁹.

Sistem perhubungan Daerah Yan adalah baik. Ia dihubungkan dengan bandar-bandar utama daerah jiran melalui jalan raya yang terdiri daripada Jalan Persekutuan dan jalan-jalan Negeri. Dengan adanya Lebuhraya Utara Selatan yang berhampiran dan Jalan Persekutuan 1 yang melaluinya akan menggalakkan lagi perkembangan dan pembangunan di pusat-pusat penempatan di sekitarnya¹⁰.

⁹ Ibid

¹⁰ Ibid.

KEGIATAN EKONOMI PENDUDUK

Pertanian.

Asas ekonomi DY bergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian. Adalah dijangkakan bahawa tren dan sektor ekonomi semasa akan berterusan dalam jangkamasa panjang sehinggalah sektor pertanian mencapai tahap “commercialised” dan kematangan.

Mengikut Kedah Development Action- Pelan Tindakan Pembangunan Kedah (KDAP) memperluaskan kawasan sub-sektor pertanian terutamanya kepada aktiviti kebun buah-buahan adalah strategi yang berpotensi tinggi bagi menyokong pencapaian nilai tambah kepada punca asas ekonomi petani dalam kawasan kajian.

Strategi kerajaan negeri Kedah menuju konsep “satu produk satu kampung”, adalah merupakan langkah yang sesuai untuk DY bagi meningkatkan lagi ekonomi penduduknya.

Di samping itu, kawasan MADA yang tidak sesuai untuk pertanian kerana berhampiran dengan laut, aktiviti akuakultur udang harimau adalah merupakan satu alternatif yang dapat menyokong peningkatan pencapaian ekonomi penduduk kawasan kajian¹¹.

¹¹ Ibid, h 2-8.

Perindustrian.

DY telah dikenalpasti sebagai kawasan yang tidak sesuai samasekali untuk aktiviti perindustrian disebabkan oleh ketiadaan sumber gunatenaga teknikal dan industri serta “industrial inertia”. Selain itu, persaingan dengan daerah-daerah yang berhampiran dan berjiranan adalah merupakan faktor yang tidak menggalakkan industri-indutri yang boleh diberi pertimbangan seperti industri kecil dan sederhana (IKS)¹².

Pendapatan penduduk.

Pendapatan purata bulanan bagi isirumah di DY menunjukkan bahawa hampir 43.6% daripada isi rumah mempunyai pendapatan di bawah RM400 sebulan, 26% mempunyai antara RM400 hingga RM600 sebulan, 12.4% mempunyai antara RM600 hingga RM1000 sebulan. Hanya 13.6% penduduk DY yang mempunyai pendapatan lebih dari RM1000 sebulan¹³.

Jika dibandingkan pula secara purata antara kawasan bandar dan luar bandar, dapatan menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah di dalam bandar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan luar bandar iaitu RM630 sebulan nisbah RM480¹⁴.

Apabila dibandingkan pula pendapatan purata penduduk DY dengan purata pendapatan penduduk negeri Kedah, kedudukannya adalah jauh lebih rendah dan ke

¹² Ibid.

¹³ Ibid, h 2-5.

¹⁴ Ibid.

belakang. Ini kerana pendapatan purata penduduk negeri Kedah ialah RM1,059 yang boleh dibahagikan kepada RM1,468 bagi kawasan bandar dan RM822 bagi luar bandar¹⁵.

Menurut KDAP, pada tahun 1990 DY adalah merupakan salah satu daerah di negeri Kedah yang mengalami tahap kemiskinan yang paling tinggi¹⁶. Peratus penduduk yang berada dalam kategori 'miskin' ialah 33.6%, manakala dalam kategori 'hard-core poor' ialah 11%¹⁷.

Kedadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh ketidak seimbangan kadar pembangunan yang wujud khususnya di kawasan MADA dan luar MADA. Kawasan MADA adalah lebih maju jika dibandingkan dengan luar MADA. Selain itu, faktor asas ekonomi yang terhad yang hanya tertumpu pada sektor pertanian yang mempunyai nilai tambah yang rendah dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kemiskinan penduduk DY¹⁸.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid, h 2-9.

¹⁸ Ibid

PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN.

Kemudahan pendidikan

Daerah Yan mempunyai 29 buah sekolah rendah. Daripada jumlah tersebut, 21 daripadanya adalah Sekolah Rendah Kebangsaan dan 8 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Jumlah pelajar di semua sekolah ini ialah 9,499 orang.

Jadual 6: Kemudahan Pendidikan Sekolah Rendah.

Jenis Sek Ren	Bil Sek	Bil Kelas	Bil bilik darjah	Bil Murid
Sek Kebangsaan	21	262	291	8,806
Sek Keb Cina	8	46	49	693
JUMLAH	29	308	340	9,499

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman, 1995

Secara purata, kawasan kajian mempunyai sebuah sekolah untuk 2,361 penduduk. Dengan itu kemudahan Sekolah Rendah yang disediakan telah memenuhi piawaian perancangan yang telah disarankan iaitu 1 sekolah untuk 5,000 – 10,000 penduduk.

Selain dari itu, kawasan kajian juga mempunyai 5 buah Sekolah Menengah Kerajaan, sebuah Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh, 2 buah Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri dan 3 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat¹⁹.

Perkhidmatan Kesihatan

Terdapat sebuah Hospital Daerah yang menyediakan 89 buah katil, 3 buah Pusat Kesihatan, 6 Klinik Desa dan 8 Klinik Bidan yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan di daerah kajian. Selain itu, terdapat 5 buah klinik swasta dan sebuah klinik gigi di daerah ini.

Matlamat kerajaan yang mensasarkan seorang doktor untuk 2000 penduduk masih belum dicapai di daerah Yan. Ini kerana, nisbah seorang doktor di kawasan kajian ialah dengan 5,708 orang penduduk²⁰.

Kemudahan Keagamaan.

Daerah Yan mempunyai 22 buah masjid. Melihat kepada jumlah penduduk beragama Islam yang mencecah kepada 61,312 orang, purata bagi setiap masjid ialah 2787 orang. Pada masa kini, kebanyakan masjid dapat menampung antara 800 hingga 1000 orang jemaah.

¹⁹ Ibid, h12-1, 12-2.

²⁰ Ibid, h 12-3.

Walaupun masyarakat Cina adalah merupakan penduduk kedua terbesar di daerah Yan, iaitu dengan jumlah 6445 orang, kajian mendapati bahawa tidak terdapat satu pun tokong Cina di kawasan kajian. Manakala kuil Hindu pula, maklumat kaji selidik mendapati bahawa hanya terdapat satu sahaja kuil hindu di daerah Yan yang terletak di Guar Cempedak yang dikelolakan sepenuhnya samada pentadbiran atau kewangan oleh badan-badan persendirian²¹.

Berdasarkan kepada unjuran penduduk mengikut kumpulan agama dan berdasarkan kepada sebuah masjid untuk 2,600 orang, keperluan tempat ibadat mengikut kumpulan agama adalah seperti yang dinyatakan pada jadual dibawah ini²².

Jadual 7: Keperluan tempat ibadat mengikut kumpulan agama.

Agama	1995	2000	2005	2010	2015	2020
Islam (Masjid)	24 (22)	26	30	34	39	44
Buddha (Tokong)	3 (-)	3	3	4	4	5
Hindu (Kuil)	1 (1)	1	1	1	1	1
Kristian (Gereja)	1 (-)	1	1	1	1	1

Sumber: Kajian rancangan Struktur MDY, 1995.

²¹ Ibid, h 12-4.

²² Ibid, h 12-11.

Perkhidmatan Polis.

Kawasan Yan tidak mempunyai Pejabat Polis Daerah. Walau bagaimanapun daerah Yan mempunyai 3 buah Balai Polis dan 2 buah Pondok Polis dengan anggotanya seramai 76 orang. Kemudahan-kemudahan ini terletak di pekan-pekan dan petempatan-petempatan utama seperti Pekan Yan, Guar Cempedak, Sungai Limau Dalam, Sungai Limau Luar dan Singkir. Secara puratanya, sebuah Balai Polis untuk 22,830 penduduk dan bagi sebuah Pondok Polis pula ialah untuk 34,245 penduduk dengan keluasan kawasan pentadbiran seluas 152.02 km persegi.

Berdasarkan kepada bilangan anggota minima yang diperlukan di sesebuah balai polis iaitu antara 34 hingga 36 orang, didapati bahawa kebanyakan balai polis tidak mempunyai bilangan kakitangan yang mencukupi. Ditambah lagi dengan ketiadaan satupun balai polis yang memenuhi keluasan saranan iaitu 1.0 hektar.

Selain dari itu, terdapat balai polis yang berada pada lokasi yang tidak strategik. Ini kerana kesukaran untuk mendapatkan tanah yang bersesuaian terutamanya di kawasan-kawasan pekan²³.

Perkhidmatan Bomba.

Daerah Yan hanya mempunyai sebuah sahaja Balai Bomba yang terletak di Guar Cempedak dengan keanggotaan seramai 21 orang dan sebuah kereta bomba dan sebuah

²³ Ibid, h 12-6.

van. Berdasarkan kepada jumlah penduduk seramai 68,495 orang dan keluasan daerah 152.02 km persegi, perkhidmatan dan keupayan bomba yang sedia ada boleh dipertikaikan.

Selain dari bomba kerajaan, terdapat juga 3 buah balai bomba sukarela di DY yang terletak di Guar Cempedak, Sungai Limau Luar dan Sungai Limau Dalam. Bomba sukarela ini bertindak memberi bantuan pendahuluan sebelum kereta bomba dari bomba berkenaan datang untuk bertindak²⁴.

Perkhidmatan Pos.

Daerah Yan hanya mempunyai dua jenis perkhidmatan pos sahaja iaitu sebuah pejabat pos besar dan sebuah pejabat pos mini. Pejabat pos besar terletak di Guar Cempedak dan pejabat pos mini terletak di Sungai Limau Dalam. Bagi penduduk yang tinggal berjauhan dengan pejabat pos, mereka telah mendapatkan perkhidmatan pos daripada wakil-wakil pos kerana kawasan kajian tidak mempunyai pos bergerak. Wakil-wakil pos ini kebiasaannya terdapat di kedai-kedai runcit yang berdekatan²⁵.

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid, h 12-8.

Kesimpulan

Daerah Yan merupakan salah satu daerah yang unik. Ini kerana ianya didiami oleh berbagai kaum dan bangsa. Penduduknya menjalankan berbagai aktiviti dan pekerjaan. Walaupun begitu, daerah Yan masih lagi belum lepas dari garisan kemiskinan. Jika dilihat kepada purata pendapatan penduduknya didapati bahawa purata bagi mereka yang tinggal di bandar ialah RM630 dan RM480 bagi mereka yang tinggal di luar bandar. Oleh itu, daerah Yan memerlukan kepada reformasi ekonomi yang lebih terancang dan tersusun bagi mencapai matlamat wawasan 2020 yang diidamkan. Sektor pertanian yang merupakan sumber utama penduduknya perlu dipertingkat dan dimajukan. Ini bagi membolehkan berlakunya peningkatan taraf ekonomi penduduknya agar seimbang dengan penduduk-penduduk di daerah-daerah yang lain. Pihak kerajaan perlu berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mewujudkan lebih banyak ruang pekerjaan kepada penduduknya. Ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan penduduk dan seterusnya menghalang daripada berlakunya proses penghijrahan ke daerah lain yang begitu ketara.

Selain dari itu, beberapa keperluan asas seperti perkhidmatan Bomba, Pos, Kesihatan dan Polis perlu ditambahkan lagi dan yang sudah pun ada perlu dipertingkatkan kualitinya agar perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dapat diberikan dan supaya ianya sesuai dengan jumlah penduduk yang banyak.
